

## ABSTRAK

Tajuk disertasi ini ialah ‘Analisis Ḥadīth Riwayat Ibnu `Abbās Dalam *Tafsīr Āyāt Al-Aḥkām Min Al-Qurān* Oleh Muḥammad `Alī Al-Ṣābūnī’. Pemilihan terhadap al-Ṣābūnī kerana beliau seorang *mufassir* yang mempunyai kepakaran dalam bidang tafsir. Ini dibuktikan, ketika beliau menerima anugerah ‘*am al-shakhṣiyah* oleh kerajaan Dubai pada tahun 2002 atas karyanya *Safwat al-Tafāsīr*. Manakala karyanya ‘*Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qurān*’ turut mendapat pujian dari pelbagai pihak. Tafsir ini adalah salah satu sumbangan beliau dalam mempopularkan tafsir bercorak *fiqhī* yang hanya memuat ayat-ayat hukum dalam al-Quran dan telah pun banyak diguna pakai oleh masyarakat Melayu dalam pelajaran sekolah atau universiti sebagai rujukan. Ibnu `Abbās juga adalah sahabat yang terkenal dan ḥadīth-ḥadīthnya merupakan yang terbanyak dikutip oleh penulis dalam kitab ini untuk rujukan dalam permasalahan *feqah*. Kerana itu, ḥadīth-ḥadīth beliau perlu diselidiki status kesahihannya supaya jelas. Matlamat daripada kajian ini ialah memberikan kepastian kepada masyarakat dan pihak akademik, sama ada ḥadīth-ḥadīth beliau boleh digunakan sebagai hujah hukum atau tidak. Sebab sebahagian dari masyarakat kita, dan orang Islam secara amnya, kurang memperhatikan status ḥadīth dalam pengambilan sebuah hukum. Kajian ini adalah sebuah kajian perpustakaan (*Library Research*) di mana tumpuannya adalah mengkaji ḥadīth-ḥadīth riwayat Ibnu `Abbās dari aspek kualiti dan kekuatan hujahnya dalam hukum Islam menurut para ulama. Metodologi yang digunakan adalah *takhrīj al-ḥadīth* untuk menentukan sama ada ianya *sahīh* atau tidak, sehingga memberikan kepastian tentang kegunaan ḥadīth tersebut. Kemudian, setiap ḥadīth akan dianalisis dari aspek kandungannya. Ada 34 ḥadīth riwayat Ibnu `Abbās dalam kitab ini, dan hasil dari kajiannya ialah didapati bahawa hanya 21 ḥadīth sahaja yang *sahīh* (*maqbūl*), dan 13 ḥadīth adalah *da`īf*. 18 ḥadīth *sahīh* ada dalam sub topik *al-aḥkām al-shar`iyyah* yang menjadi solusi dalam persoalan sebuah hukum, manakala ada empat ḥadīth *da`īf* dan satu *majhūl*. Hasil kajian ini diharapkan supaya masyarakat berhati-hati dalam mengamalkan ḥadīth sebagai rujukan hukum. Begitu pula kepada penulis buku atau kitab untuk menulis dalil-dalil ḥadīth yang *sahīh* sahaja.